

Kawasan tadahan air semakin gondol dikerjakan pembalok rakus

Lindungi Hutan Simpan Ulu Muda

Oleh AZHAR AHMAD

SIK – Pejuang alam sekitar mahu pihak berkuasa menghalang kerja-kerja rakus pembalakan syarikat konsesi di kompleks Hutan Simpan Ulu Muda (HSUM) di sini hingga menjejaskan kawasan tadahan air.

Ketua Pentadbir Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PeKa), Nor Hayati Shahrom berkata, pembalakan yang dilakukan sejak 2008 itu dilakukan di kawasan merangkumi lebih 100,000 hektar dan mempunyai lebih 100 spesies mamalia serta 50 spesies reptilia.

Katanya, ia merupakan tempat tadahan air bagi Empangan Ahning, Pedu dan Muda yang membekalkan minuman kepada penduduk Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

“Kita mahu pihak berkuasa mewartakan kawasan itu sebagai hutan tadahan air di bawah Akta Perhutanan Negara 1984.

“Kepentingan hutan ini telah diabaikan apabila aktiviti pembalakan masih berlaku. Setakat ini, hanya satu papan tanda lesen sahaja yang masih sah tempoh manakala empat lagi telah tamat lebih tiga bulan lalu.



NOR HAYATI



KAYU balak yang dilonggokkan sekitar depoh sementara sebelum diangkut keluar untuk diproses.

“Ini menandakan penguatkuasaan yang lemah oleh Jabatan Perhutanan negeri,” dakwanya ketika ditemui di sini semalam.

Menurut Nor Hayati lagi, pembalakan itu bukan sahaja menjejaskan ekosistem semula jadi, malah boleh menyebabkan bencana kepada penduduk.

Dakwaan PeKa itu ada benarnya apabila tinjauan *Kosmo!* mendapati aktiviti pembalakan masih giat dilakukan sejauh 50 kilometer di dalam HSUM.

Pemerhatian juga menemui sekurang-kurangnya lima depoh pembalakan dengan beribu-ribu kayu balak berkualiti tinggi seperti meranti, cengal dan merbau telah ditebang dan menunggu masa untuk diangkut.



SEBUAH lori mengangkat kayu balak di HSUM untuk dibawa ke lokasi tertentu.



MD. SABRI menunjukkan keadaan anak sungai yang semakin cetek di HSUM semalam.

Pada 24 April 2017, akhbar ada melaporkan kerajaan negeri telah mengenal pasti tiga kawasan iaitu Ulu Muda, Lembah Bujang dan Taman Geoforest Langkawi untuk diwartakan sebagai Hutan Taman Negeri.

Namun, sehingga hari ini, usaha tersebut masih belum menemui jalan penyelesaian bagi melindungi HSUM daripada menjadi mangsa kekejaman pembalok yang ingin mengaut keuntungan segera.

Sementara itu, seorang wakil penduduk, Md. Sabri Hamid, 47, memberitahu, kerajaan perlu mengambil inisiatif lain bagi menjaga ekonomi negeri supaya khazanah alam di HSUM terus terpelihara.

“Terdapat kemungkinan pembalakan akan menyebabkan kejadian kemarau yang pernah berlaku di negeri-negeri utara Semenanjung pada 2016 berulang dan menyebabkan penurunan mendadak paras air di Empangan Pedu dan Muda,” katanya.

Menurutnya lagi, nilai sejarahnya yang tinggi juga akan lenyap sekiranya pembalakan masih diteruskan seperti kemusnahan kawasan yang pernah menjadi markas penganas komunis ketika peristiwa Gubir pada 26 April 1976.